

# 80 peratus lelaki mati pucuk?

15/02  
Lancun

Norjimi Azmi Latif

## Membicarakan secara terbuka dianggap mengaibkan 'kelelakian'

**Y**amin Tasrim, 28, (bukan nama sebenar) baru mendirikan rumah tangga setahun lalu, namun sudah ada 'badai' dalam rumah tangganya apabila dia 'gagal' memuaskan isteri setiap kali mengadakan hubungan intim.

Walaupun tahu masalah tersebut, tetapi Yamin tidak terlalu memikirkan sangat kerana sibuk dengan kerja setiap hari, malah sering berdolak-dalih dengan isteri apabila diajak berbincang.

Masalah Yamin berlarutan dan isterinya sering mengeluh kerana dia tidak boleh menahan ereksi tidak sampai seminit walaupun pelbagai jamu dan ubat dimakan sebelum ini.

Keadaan seperti Yamin mungkin

turut dihadapi kebanyakan lelaki, namun memperkatakan mengenainya secara terbuka seolah-olah mengaibkan 'kelelakian' mereka, justeru mengambil jalan mudah ialah dengan menanggung penderitaan bersendirian dan membuatkan diri.

Kajian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) 1994, mendapati kira-kira 100 juta lelaki di seluruh dunia menghadapi masalah lemah tenaga batin dan di Amerika Syarikat ia 'menghinggap' mereka yang berusia seawal 20 dan 30an. Amat menakutkan lelaki.

Di Malaysia pula hampir sejuta lelaki menghidap masalah ini yang turut memberi kesan pada keharmonian rumah tangga. Turun, naik mahkamah untuk bercerai itulah jawapannya, walaupun beralasan tiada persefahaman. Kenapa perkara ini berlaku?

### **MASIH BOLEH DIRAWAT: PAKAR**

Pengasas dan pakar perubatan alternatif di Malaysia, Profesor Dr Nik Omar Nik Daud berkata, masalah tenaga batin dihadapi lelaki berpunca daripada kegagalan kemaluan berefleksi (ketegangan), selain 'tidak berminat' pada pasangan.

"Masalah tenaga batin juga disebabkan oleh pancutan air mani pra masa, paling kurang pun dua minit semasa melakukan hubungan intim.

"Manakala mereka yang berusia awal 20 hingga 30an sering kali mengadu kesakitan ketika melakukan hubungan seks, selain menghadapi masalah ketiadaan air mani walaupun beberapa jam melakukan persetubuhan," katanya.

Menurutnya, wanita juga ada mengalami masalah sama - lemah nafsu atau dikenali 'frigiditi' yang boleh menyebabkan suami mencari perempuan lain. Terdapat juga wanita



Rawatan akupunktur bagi mengubati masalah lemah tenaga batin.

berasa sakit ketika melakukan hubungan intim dan masalah kitaran haid tidak menentu antara 20 hingga 30 hari sebulan.

Katanya, bagi remaja lelaki dan wanita, onani yang kerap turut menyumbang kepada masalah lemah tenaga batin, selain mengamalkan cara hidup homoseksual dan terangsang pada sesama lelaki.

Dr Nik Omar menceritakan pengalamannya berurusan dengan pelanggan wanita yang melakukan hubungan seks dengan tiga lelaki tanpa pengetahuan suami.

"Wanita berkenaan tidak boleh memuaskan nafsu dengan suaminya, lalu mencari lelaki lain.

"Masalah ini berpunca daripada psikologi seks atau kegilaan seks yang terlampau. Dia hanya memikirkan seks sahaja dan saya mengubatnya dengan hanya memberi kaunseling, selain memakan ubat-ubatan seperti Pulsatile, Platina, Calcarea Fluor dan Arnica Montana untuk merawat saraf otaknya.

"Ubat-ubat ini membantu memulihkan fikirannya dalam masa dua minggu sehingga tiga bulan. Saya juga merawat melalui kaedah akupunktur dengan mencucuk lima hingga enam jarum di kepala," katanya.

Dr Nik Omar terlibat sebagai pengamal perubatan alternatif sejak 30 tahun lalu, kini turut memperkenalkan teknik homeopati yang berasal dari Barat dengan menggabungkan kaedah akupunktur China.

Beliau memiliki enam pusat perubatan homeopati dan akupunktur di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur, Bangi, Shah Alam dan Damansara Utama serta di Pasir Mas dan Kota Bharu.

"Homeopati merupakan rawatan semula jadi menggunakan bahan-bahan dari flora dan fauna seperti bunga, daun dan herba-herba yang memiliki nilai perubatan.

"Manakala akupunktur, kaedah tradisi dari China beratus-ratus tahun menggunakan jarum halus, telah terbukti berkesan untuk membuang sisa toksik dalam badan," katanya yang juga Naib Presiden Liga Perubatan Homeopati Antarabangsa, Geneva sejak 1980 hingga sekarang.

Menurutnya, kaedah itu mampu

merawat penyakit strok tangan, sakit lutut, buasir, migrain, busur perut bagi wanita lepas melahirkan anak, sakit pinggan, tekanan darah tinggi, ketumbuhan di ketiak, masalah mandul bagi wanita dan mati pucuk bagi lelaki tanpa sebarang pembedahan.

Beliau berkata, masalah tenaga batin lelaki berlaku kerana mengamalkan hubungan seks secara bebas dengan perempuan yang menghidap pelbagai penyakit dan kesan pengambilan ubat rangsangan seks seperti aphrodisiac yang dijual di merata-rata.

Katanya, ubat-ubatan berkenaan hanya menegangkan kemaluan pada masa itu sahaja, sedangkan kesan sampingan ialah kerosakan pada urat saraf yang menyebabkan mati pucuk.

Untuk mengatasi masalah ini, beliau menyarankan supaya mengambil makanan yang berkhasiat, selain mengutamakan madu lebah, telur separuh masak, buah badam, kismis dan kurma; di samping mendapatkan rawatan akupunktur selama 40

minit, sekali seminggu.

Menurutnya, kira-kira 70 hingga 80 peratus lelaki menghadapi masalah lemah tenaga batin atau mati pucuk berbanding 20 hingga 30 peratus wanita mandul atau menghadapi kesukaran untuk mendapatkan anak.

